

21 SEP 1998

RATU ELIZABETH DISAMBUT SECARA RASMI (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Ratu Elizabeth II dari England yang tiba di sini semalam bagi lawatan negara selama empat hari diberi sambutan secara rasmi di Dataran Parlimen di sini hari ini.

Ketibaan baginda dan suaminya Putera Philip disambut oleh Yang di-Pertuan Agung Tuanku Ja'afar. Turut hadir pada majlis itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta menteri-menteri kabinet.

Sejurus selepas ketibaannya lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan oleh band pusat Kor Armor Diraja diikuti tembakan meriam sebanyak 21 das.

Ratu Elizabeth kemudian diiringi oleh Tuanku Ja'afar memeriksa barisan kawalan kehormatan yang dianggotai 124 anggota pasukan batalion pertama Rejimen Askar Melayu Diraja yang dipimpin oleh Mejar Abdul Basit Abdul Rahman.

Ratu Elizabeth akan melakukan penutupan rasmi Sukan Komanwel ke-16 di Stadium Nasional Bukit Jalil malam ini.

Antara acara lain dalam jadual lawatan baginda ialah lawatan ke menara berkembar Petronas esok.

-- BERNAMA

HJ NMO